

'Ada sesuatu yang tersirat bagi Mahathir'



KRITIKAN terbuka bekas Perdana Menteri Dr Mahathir Mohamad ke atas Perdana Menteri D.nuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bukan saja dilihat suatu yang pelik, tetapi ia benar-benar mengejutkan. Tidak siapa dapat menduga sebelum ini, Mahathir boleh mengkritik begitu pedas sekali ke atas orang yang beliau sendiri lantik bagi menggantinya.

Apabila Mahathir melahirkan rasa kesal dan menuduh Abdullah sebagai menikam dari belakang dan memungkir janji, ia seolah-olah menggambarkan Mahathir sebelum membuat keputusan memberi laluan kepada Abdullah tidak berfikir panjang atau menghitung kemungkinan-kemungkinan yang akan berlaku selepas itu.

Kritikan itu juga dikira biasa, selaku 'orang tua', bekas pemimpin menjadi tanggungjawabnya untuk menegur dan memberi pandangan. Tetapi apabila ia dibuat secara terbuka dan mengaku bahawa beliau sebenarnya ada pilihan lain tentulah cara itu menyinggung orang yang dikritikkan itu.

Apakah sebenarnya yang berlaku di antara kedua mereka itu? Bagi bekas Menteri Kewangan Tengku Razaleigh Hamzah, keduanya ada kesilapan masing-masing. Pada pandangannya apa yang berlaku ialah kerana Mahathir merasa malu dengan beberapa keputusan Abdullah terutamanya membatalkan beberapa projek yang dirancang Mahathir ketika beliau berkuasa.

"Tindakan Dollah itu seolah-olah hendak memalukan Mahathir dan itu sebab beliau merasa tersinggung," ujar Tengku Razaleigh. "Saya berpandangan sepatutnya sebelum membuat apa-apa keputusan, pihak kerajaan memberi tahu kepada Mahathir terlebih dahulu, bukannya perkara itu diketahuinya dari pihak lain, atau punca-punca tidak sah, ini yang menimbulkan masalah," tambahnya.

Bagaimanapun Tengku Razaleigh tidak menolak kerajaan juga ada sebab kenapa membatalkan projek itu. Beliau juga mempersoalkan kenapa perkara ini diluahkan secara terbuka. Pun begitu menurutnya, Mahathir mungkin juga ada caranya tersendiri. Katanya mungkin dengan berbuat begitu ia memberi kesan yang baik kepada Mahathir yang merasakan beliau tidak diendahkan oleh kerajaan selama ini.

Bagaimanapun tekannya, Mahathir juga harus memahami kerajaan sekarang menghadapi masalah berbeza berbanding dengan zaman beliau dulu. Mungkin tindakan itu dibuat disesuaikan dengan keadaan sekarang sama ada masalah kewangan ataupun keadaan politik.

Melihat kepada masalah ini boleh mengganggu ketenteraman orang Melayu, Tengku Razaleigh menganjurkan agar Dr Mahathir dan Abdullah mengadakan perjumpaan; "Mereka patut mengadakan perjumpaan sama ada tertutup atau terbuka, bagi saya lebih baik tertutup."

"Kalau sayalah, saya pergi berjumpa Dr Mahathir. Naik kereta pergi ke rumah dia, dan beri tahu apa yang dilakukan itu, dan dengar apa yang beliau (Mahathir) nak kata, sama ada kita nak pakai atau tidak itu terpulang kepada kabinet."

Mengenai tindakan Abdullah tidak menjawab sendiri segala persoalan yang dibangkitkan oleh Mahathir, dan ini menimbulkan tidak puas hati Mahathir, Tengku Razaleigh berkata, memanglah wajar kalau Dr Mahathir rasa tidak puas liati kerana segala yang dibangkitkan itu perlu dijawab sendiri oleh Abdullah.

Dalam pada itu Tengku Razaleigh percaya mesti ada sesuatu yang tersirat kenapa Mahathir bersikap demikian. Menteri kabinet dan juga Perdana Menteri sekarang tentu tahu, apakah punca dan sebab-sebabnya kerana mereka adalah satu *team* dengan Dr Mahathir dulu.

"Saya yakin ada sesuatu yang tersirat, saya tidak tahu," katanya.

Tengku Razaleigh bagaimana pun tidak terfikir tindakan Mahathir hari ini sebagai satu taktik untuk melonjakkan orang pilihannya (Najib) ke atas.

"Saya tidak tahu juga kalau hendak melonjakkan Datuk Najib. Kalaulah itu maksudnya nampaknya sia-sia, sebab Najib tidak melawan," katanya.

Secara ikhlas Ketua Umno Bahagian Gua Musang itu berpendapat apa yang berlaku sekarang ini tidak baik kepada orang Melayu jadi ianya hendaklah diselesaikan dengan penuh hikmah. - M S O